Sejarah hidup Pak Raden sering dalam buruan

Lari dari guru kahwin anak angkat raja


Pak Raden Ahmad Sudarmo bin Raden Keromo-W...

OLEH FAUZI HADI

PAK Raden Ahmad Sudarmo bin Raden Keromo Wijayo, 70 tahun lahir di sebuah perkampungan kecil di Jogjakarta pada tahun 1918.

Beliau bersekolah di Clifford School pada tahun 1934 ketika umurnya 16 tahun.

Pelajarannya melayakkannya menjadi guru tetapi kerana dasar bahawa seorang guru juga mesti memasuki Agama Kristian, beliau telah mengambil keputusan untuk berhenti dan mengembara keseluruh tanah Jawa.

Pada tahun 1939, beliau telah diminta oleh pemerintah untuk membawa seramai lebih dari 1,000 orang dari Jogjakarta ke Jakarta dan kemudiannya ke Palembang.

Beliau bertindak melarikan diri bila mengetahui bahawa semua yang dibawanya itu akan dijadikan pekerja untuk 'Keretapi Maut' di Siam. Lebih 100 orang melarikan diri bersamanya ke Pulau Pinang.

Di Pulau Pinang, beliau ditahan selama 20 hari. Beliau ditahan di Bukit Bendera. Kemudian beliau bersama 19 orang yang lain telah menuju ke Kuala Kangsar dengan niat untuk memulakan penghidupan baru.

Kumpulan 19 orang tersebut telah berpecah mencari haluan masing-masing dan pada waktu yang sama pada tahun 1945 Perang Belanda mula meletus.

Sewaktu Perang Belanda meletus, beliau telah mendapat perlindungan istana dengan diterima bekerja sebagai orang suruhan Istana.

Selama hampir 14 tahun Pak Raden Ahmad menghambakan dirinya kepada Raja, menjadi orang suruhan beliau mengambil keputusan untuk kembali semula ke tanah-airnya di Jogjakarta.

Keputusannya untuk balik ke tempat asal di Jogjakarta telah mendapat tentangan dari pihak istana yang terhutang budi kepada Pak Raden.

Akhirnya keputusan diambil dengan mengahwinkan beliau dengan anak angkat Raja Di Hilir, yakni isterinya yang ada sekarang ini, Puan Asiah binti Abdullah.

Pada waktu itu belanja peminangannya adalah sebanyak $1,000 dan majlis pertunangannya berjalan selama hampir tiga bulan sebelum beliau berkahwin.

Setelah berkahwin, Pak Raden hidup bersama isterinya, Puan Asiah di Istana Hilir selama hampir enam bulan sebelum meminta kebenaran dari pihak istana untuk menjalani kehidupan sendiri di luar istana.

"Beliau dipaksa memasuki agama Kristian setelah melayakkan dirinya menjadi guru."

Beliau diberikan wang pencen sebanyak $155.00 setiap bulan dan mula berkebun dan be... tanam untuk menca... belanjaan hidup ke... nya sehingga ke hari...

Beban Hidup Ibu 20 Orang Anak

Segantang beras, 2 ekor ayam untuk sekali makan


Gambar kenangan sewaktu masih muda.

MEMPUNYAI anak yang ramai kepada ibu-ibu moden sekarang ini mungkin merupakan satu masalah besar atau lebih merupakan satu bebanan, apatah lagi mempunyai seramai 20 orang anak dari satu perkahwinan.

Tetapi bagi Puan Asiah binti Abdullah, 68 tahun, yang telah dikurniakan seramai 20 orang anak dan 37 orang cucu hasil perkahwinannya bersama Pak Raden Ahmad Sudarmo bin Raden Keromo Wijayo, 70 tahun, satu penyeri dalam hidup mereka.

"Bagi saya anak-anak dan cucu merupakan harta yang paling berharga. Mereka semua adalah permata dalam hidup ini, tanpa mereka saya tidak akan dapat merasakan kebahagiaan," ujar Puan Asiah.

Namun begitu beliau tidak menafikan terpaksa menghadapi berbagai cabaran dan dugaan dalam usaha membesarkan anak-anaknya.

"Apa yang penting bagi diri saya ialah ketabahan dalam mengasuh mereka semasa mereka kecil. Saya terpaksa yakin pada diri saya sendiri dan sentiasa bersikap adil dalam menghadapi karenah setiap anak," ujar beliau lagi.

Dalam hidupnya sebagai seorang ibu kepada 20 orang anak, beliau selalu bertindak sebagai seorang hakim menyelesaikan segala masalah yang berbangkit dari karenah anak-anaknya.

"Saya akan bertindak mengadili apa sahaja yang berlaku di dalam rumah. Begitu sikap suami saya. Sebarang hukuman yang [illegible] ujar beliau.

Dalam usaha membesarkan anak-anaknya Puan Asiah tidak pernah memisahkan mereka dari lunas-lunas ajaran agama. Setiap orang anaknya sejak dari kecil telah didedahkan dengan didikan agama sejak mereka masih kecil lagi.

"Agama penting bagi mereka. Bagi saya bila anak sudah menjangkau umur 7 tahun, mereka dimestikan belajar agama atau mengaji Al-Quran. Di samping itu setiap pergerakan mereka akan saya ikuti walau ke mana mereka pergi dan tidak lupa menasihati mereka," ujar beliau lagi.

Sebagai seorang ibu yang berpengalaman beliau amat mengetahui bahawa setiap orang dari anaknya memerlukan belaian kasih sayang. Setiap orang dari mereka diberikan kasih sayang tanpa berbelah bagi.

Baginya, semua anak-anak mendapat perhatian serupa dalam segala hal termasuk soal perbelanjaannya.

"Pembahagian sama rata amat penting untuk menjaga hati setiap orang dari mereka," ujar Puan Asiah lagi.






Puan Asiah binti Abdullah.

Menurut Puan Asiah, setiap hari beliau terpaksa memasak sebanyak segantang beras untuk dimakan oleh anak-anaknya. Beliau juga membeli antara 2 hingga 4 kati ikan sehari.

"Begitulah keadaan saya membesarkan anak-anak. Walaupun ada di antara anak saya kini tinggal di tempat lain namun saya tetap memasak sebanyak satu gantang sehari.

"Kalau kami hendak masak ayam, saya terpaksa memasak sebanyak 2 ekor sekaligus, untuk sekali makan," ujar beliau tersenyum.

Puan Asiah sejak dari mula...

Seperti ibu-ibu yang lain, Puan Asiah juga tidak dapat lari dari menghadapi hidup genting dan kesengsaraan ketika tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969.

"Waktu itu, kami terpaksa makan apa sahaja yang ada di dalam rumah kami. Kami tidak bole... keluar ke mana-mana," tegasnya.

Kini walaupun kesemua anak... anaknya telah besar dan ena... orang darinya telah mendirik... rumahtangga dan tinggal be... asingan dengannya, hidupnya s... karang masih tetap seperti dulu l... gi.

"Kami jarang berkumpul. S... tahun cuma sekali kami berter...

3 APR. 1987

RAHSIA PAK RA[DEN] DAPAT 20 ANAK, 37 C[UCU]



Gambar kenangan Pak Raden dan Puan Asiah bersama sebahagian anak-anak dan cucu-cucunya.

Pasangan ideal yang mempunyai seramai 20 orang anak.

Anak-anak adalah permata dalam kebahagiaan hidup

Apakah rahsia dan petua yang diamalkan oleh Pak Raden Ah-[ma]d Sudarmo bin Raden [P]romo Wijayo, 70 tahun [dan] Puan Asiah binti Ab-[dul]lah, 68 tahun hingga [ma]mpu mempunyai 20 [ora]ng anak dan 37 cucu se-[kar]ang ini?

Cerita mengenai mere-[ka] itu menarik perhatian [um]um dan sekaligus ber-[hasr]at mengetahui rahsia [yan]g diamalkan oleh suami [ist]eri itu.

Tinjauan Mingguan Wa-[tan]a mendapati Pak Raden [tid]ak pernah mengamalkan [seb]arang ilmu tertentu da-[lam] mengaturkan kehidup-[an]nya melainkan menye-[rah]kan segalanya kepada [ke]ratan takdir, di samping [be]rusaha.

"Tidak ada sebarang il-[mu] untuk mendapatkan [ana]k ramai. Begitu juga un-[tuk] menjaga keharmonian [ru]mahtangga," ujar Pak [Ra]den yang ditemui baru-[bar]u ini di rumahnya di Kampung Seri Temiang, Ipoh.

Pak Raden berpendapat setiap orang harus ada pegangannya sendiri dalam mendirikan rumahtangga.

"Pertama, mereka harus yakin kepada diri sendiri, mempunyai keimanan yang bulat dan tidak berbelah bagi," katanya.

"Kedua, dalam hidup berumahtangga mereka harus membiasakan diri mereka kepada sikap bertolak ansur antara suami isteri. Bagi diri saya lelaki seharusnya menjadi orang yang pertama untuk mengalah dalam perkara-perkara tertentu.

"Ketiga, urusan rumahtangga harus mengambil tempat nombor satu dalam apa hal sekalipun. Semuanya harus diselesaikan terlebih dahulu" ujar Pak Raden.

Pak Raden tidak ada petua tertentu seperti memakan jamu atau sebagainya. Baginya, apa yang penting ialah menjaga tubuh badannya agar sentiasa sihat dan bertenaga.

"Untuk sihat kita harus bekerja setiap hari. Jika kita malas seluruh tubuh badan kita secara tidak langsung akan jadi tidak sihat dan kita seharusnya kuat berusaha dalam apa juga keadaan," ujarnya lagi.

Mengenai berumahtangga, Pak Raden menyatakan, beliau berkahwin dengan Puan Asiah binti Abdullah pada tahun 1951.

Setelah beberapa tahun berkahwin mereka telah dianugerahkan anak yang pertama, Encik Sahir yang kini berusia 30 tahun dan telahpun mendirikan rumahtangga.

Tahun berikutnya, beliau mendapat anak kembar dua, iaitu Mariah dan Mariam yang juga kini telah berumahtangga.

Kemudian diikuti oleh anak-anaknya yang lain iaitu Suroto, 28, Khalijah, 27, Muliano, 26, Sufian, 25, Khatipah, 24, Rubiah 23, Salwa, 22, Zaiton, 21, Adnan, 20, Azman, 19, Roslan, 18, Rosminah, 17, Raabah, 16, Intan Surani, 15, Rosnawi, 14, Jumeri, 13 dan yang bungsu Ridwan, 12 tahun.

Menjawab satu pertanyaan Pak Raden memberitahu, dengan tulang empat kerat beliau membesarkan mereka sehingga anak-anaknya dapat hidup berdikari.

"Saya tidak pernah mempunyai kerja yang tetap selain dari pernah bekerja menjadi orang suruhan Istana selama 14 tahun. Selepas bekerja dengan Istana, saya berkebun dan bercucuk tanam," ujarnya bangga.

Sehingga ke hari ini beliau mempunyai beberapa ekar tanah yang ditanam dengan berbagai tanaman seperti ubi kayu, tebu, jagung dan sebagainya.

"Usaha itu penting. Jika kita berusaha bersungguh-sungguh kejayaan pasti ada bersama kita. Berkat usaha, kami sekeluarga tidak pernah tidak makan dan meminta sedekah kepada orang lain," ujarnya.

"Saya tidak kaya wang ringgit tapi saya kaya anak. Itu sudah cukup untuk membahagiakan saya. Anak-anak merupakan permata dalam hidup dan anak-anak sajalah yang membuatkan saya lebih bersemangat untuk terus berusaha," ujar Pak Raden bangga.

Pengalaman menarik Pak Raden dan isterinya memelihara anak ramai dapat dibaca di muka 16.